



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 1/2024

PELAKSANAAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) BAGI PELAJAR PRASISWAZAH SECARA HIBRID DAN DALAM TALIAN PADA MINGGU PERTAMA HINGGA MINGGU KETIGA (17 MAC 2024 – 6 APRIL 2024) SEMESTER FEBRUARI SESI 2023/2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Universiti Malaysia Kelantan Bil.1/2024 (Kali Ke-157) yang telah bersidang pada 13 Februari 2024 (Selasa) telah bersetuju menetapkan beberapa perkara sebagaimana berikut:


- i. Meluluskan agar kaedah PdP bagi minggu pertama hingga minggu ketiga (17 Mac hingga 6 April 2024) diadakan secara hibrid dan dalam talian.
- ii. Pelajar yang ingin hadir ke kampus adalah dibenarkan dan PdP masih dilaksanakan secara hibrid dan dalam talian.
- iii. Pelajar yang perlu mengikuti kursus yang melibatkan makmal, amalan klinikal, bengkel dan studio perlu mengikuti pembelajaran secara konvensional (mengikut keperluan kursus fakulti masing-masing)
- iv. Tiada pengurangan yuran kepada pelajar sepanjang kuliah diadakan secara hibrid dan dalam talian.
- v. Pekeliling ini juga terpakai kepada pelajar kemasukan baharu bagi sesi kemasukan Semester Februari Sesi 2023/2024.

3. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATO' DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD)
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

20 FEBRUARI 2024

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Pendaftar
 - Semua Dekan Fakulti